



Laporan Survei Kemudahan Asas 2022

KEMUDAHAN ASAS

2022 2019

JENIS PEMILIKAN RUMAH (%)

	Malaysia	Bandar	Luar Bandar
Dimiliki	76.5 76.9	73.3 74.5	87.6 86.4
Disewa	20.3 19.8	24.0 22.8	7.1 7.7
Kuarters	3.3 3.3	2.7 2.7	5.3 5.9

CAPAIAN UTILITI AWAM DI RUMAH (%)

	Malaysia	Bandar	Luar Bandar
Bekalan Air Paip	96.7 95.9	99.2 98.7	87.7 84.7
Bekalan Elektrik*	99.7 100.0	99.9 100.0	99.0 99.8
Kutipan Sampah	70.2 68.9	82.8 79.3	26.0 27.6

*Bekalan elektrik adalah termasuk bekalan 24 jam sehari dan kurang 24 jam sehari

JENIS TEMPAT KEDIAMAN

Teres	Sesebuah	Rumah Pangsa	Pangsapuri	Rumah berkembar	Kondominium	Rumah Kedai	Rumah Panjang	Lain-lain
39.1% 40.7%	32.9% 30.9%	6.1% 9.4%	9.4% 7.3%	5.1% 5.5%	5.3% 3.1%	0.9% 1.6%	0.9% 1.1%	0.3% 0.4%

PEMILIKAN PERALATAN ISI RUMAH TERPILIH

Telefon Pintar 96.7% 93.5%	Komputer Riba 53.1% 51.4%	Langganan Internet 96.4% 90.3%	Siaran TV Berbayar 61.1% 77.5%
Kereta 89.9% 86.8%	Motosikal 75.4% 66.2%	Penapis Air 57.9% 49.7%	Ketuhar Gelombang Mikro 45.0% 40.0%

Sumber: Laporan Survei Kemudahan Asas 2022, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)



Kemudahan Asas Menggambarkan Kemakmuran Negara

Pemilikan rumah oleh isi rumah

- Berdasarkan survei yang dijalankan pada tahun 2022, peratusan rumah yang dimiliki oleh isi rumah adalah 76.5 peratus berbanding 76.9 peratus pada tahun 2019.
- Manakala peratusan isi rumah yang mendiami kuarters kekal tiada perubahan pada kadar 3.3 peratus dalam tempoh yang sama.
- Bagi isi rumah di kawasan bandar, peratusan pemilikan rumah adalah 73.3 peratus berbanding dengan 74.5 peratus pada tahun 2019.
- Selain itu, peratusan tempat kediaman yang disewa pada tahun 2022 adalah 24.0 peratus berbanding dengan 22.8 peratus pada tahun 2019.
- Manakala peratusan isi rumah yang mendiami kuarters kekal tiada perubahan pada kadar 2.7 peratus dalam tempoh yang sama.
- Manakala bagi isi rumah di kawasan luar bandar, peratusan pemilikan rumah adalah 86.4 peratus pada tahun 2019 berbanding dengan 87.6 peratus pada tahun 2022.
- Tempat kediaman yang disewa adalah 7.1 peratus pada tahun 2022 berbanding dengan 7.7 peratus pada tahun 2019.
- Untuk peratusan isi rumah yang mendiami kuarters pada tahun 2022 direkodkan sebanyak 5.3 peratus berbanding dengan 5.9 peratus pada tahun 2019.

Capaian utiliti awam di rumah dan kutipan sampah

- Peratusan akses kepada air paip di dalam rumah bertambah baik menjadi 96.7 peratus pada tahun 2022 berbanding dengan 95.9 peratus pada tahun 2019.
- Kebolehcapaian di kawasan luar bandar lebih rendah berbanding bandar pada 87.7 peratus bagi tahun 2022 berbanding 84.7 peratus pada tahun 2019.
- Manakala kebolehcapaian kepada bekalan elektrik hampir 100.0 peratus pada tahun 2022.
- Perkhidmatan kutipan sampah ke tempat kediaman adalah 70.2 peratus pada tahun 2022 berbanding dengan 68.9 peratus pada tahun 2019.
- Manakala, untuk perkhidmatan kutipan sampah ke kawasan kediaman di bandar adalah 14.0 peratus pada tahun 2022 berbanding dengan 20.7 peratus pada tahun 2019.
- Untuk tempat kediaman di kawasan luar bandar, perkhidmatan kutipan sampah ke tempat kediaman adalah 26.0 peratus pada tahun 2022 berbanding dengan 27.6 peratus pada tahun 2019.
- Walau bagaimanapun, perkhidmatan kutipan sampah ke tempat kediaman di kawasan luar bandar adalah 36.1 peratus berbanding dengan 31.6 peratus dalam tempoh yang sama.